

30 SEP 1998

SEMUA BAHAGIAN UMNO TERENGGANU SOKONG PERDANA MENTERI

KUALA TERENGGANU, 30 Sept (Bernama) -- Kesemua lapan Bahagian UMNO di negeri Terengganu memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

"Saya yakin tidak ada yang terlibat dengan sebarang kegiatan yang tidak baik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Negeri hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat bahawa terdapat beberapa bahagian Umno yang diperalatkan untuk menjatuhkan Dr Mahathir.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri berkata beliau telah mengadakan perjumpaan dengan semua bahagian beberapa kali untuk menerangkan isu yang berkaitan dengan masalah politik negara sekarang.

Umno Terengganu akan menjalankan sesi penerangan kepada semua anggotanya di seluruh negeri, bermula di Dungun Jumaat ini.

-- BERNAMA

SBS MAI